

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

7th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005



Kem Inovasi Sekolah UiTM 2015

Pada 30 Nov 2015 yang lepas, Unit RIBU dan ICAN UiTM Samarahan dengan kerjasama IDEAS telah menganjurkan Kem Inovasi sekolah. Program dua hari yang berlangsung di Dewan Jubli, Kampus 1 UiTM Samarahan ini disertai oleh 45 orang pelajar yang terdiri daripada sekolah menengah di sekitar Kuching dan Kota Samarahan. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah SMK Bako, SMK Asa Jaya, SMK (A) Tun Ahmad Zaidi, SMK Demak Baru, SMK Tunku Abdul Rahman dan SMK Muara Tuang. Kem ini turut disertai oleh anak-anak kakitangan UiTM yang dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu PEWANI 1, PEWANI 2 dan PEWANI 3.

Objektif penganjuran kem ini adalah untuk memupuk minat dan membudayakan inovasi dan kreativiti di peringkat Sekolah Menengah. Di samping itu juga, kem ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mengemukakan idea dan mencipta produk dengan bimbingan para pensyarah UiTM Sarawak yang berpengalaman dalam inovasi. Ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran awal kepada pelajar tentang hak perekacipta.

Sepanjang kem ini berlangsung, setiap kumpulan dengan bimbingan fasilitator yang berpengalaman, dikehendaki untuk menghasilkan sesuatu rekaan atau ciptaan. Rekaan atau ciptaan tersebut diadili di penghujung kem oleh juri jemputan. Penjurian telah dilakukan oleh wakil IDEAS iaitu timbalan

presiden IDEAS sendiri, Encik Frankie Yang dan Encik Sim Chin Kiong serta Dr. Juferi Idris yang merupakan Pengerusi Kem Inovasi ini.

Para juri telah sebulat suara memilih kumpulan PEWANI 1 sebagai johan. Mereka telah tampil dengan produk "Collapseable Rainshield Prototype". Manakala tempat kedua pula telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Tun Ahmad Zaidi yang telah mencipta produk "Eazee Paper Stacker". Sekolah Menengah Asa Jaya dengan produk "C4R-Coat for Rider" telah berjaya mendapat tempat ketiga.

Semua hasil ciptaan inovasi kem ini nanti akan dipertingkatkan dan para peserta akan diberi peluang untuk menyertai pertandingan inovasi/pameran anjuran UiTM Sarawak iaitu Sarawak Invention, Innovation and Design Expo (SIIDEx) yang akan berlangsung pada 29hb – 31hb Januari 2016.

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Hajjah Rasidah Mahdi, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM Samarahan. Dalam ucapan penutupannya, beliau berharap kem ini telah memberi manfaat kepada semua peserta dan seterusnya mendorong peserta untuk menerokai kreativiti ke tahap yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, kem ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada peserta.

Tempat pertama: PEWANI 1
Nama Produk: "Collapseable Rainshield Prototype"



Tempat kedua: Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Tun Ahmad Zaidi
Nama produk: "Eazee Paper Stacker"



Tempat ketiga : Sekolah Menengah Asa Jaya
Nama Produk: "C4R- Coat for Rider"





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my